

KAJIAN DAN TREND DALAM BIDANG PROGRAM INTERGENERASI DARI TAHUN 2000-2013

Ngu Kee Shing*

keeshing192123@siswa.um.edu.my

Norlidah Alias*

drnorlidah@um.edu.my

Saedah Siraj*

saedah@um.edu.my

Husaina Banu Kenyathula*

husaina@um.edu.my

Dorothy DeWitt*

dorothy@um.edu.my

Zaharah Hussin*

zaharah@um.edu.my

*Faculty of Education

University of Malaya

50603 Kuala Lumpur, Malaysia

Abstract: This paper provides trend analysis and content analysis of studies in the field of intergenerational program that were published in the Educational Gerontology Journal from the years of 2000 to 2012. 515 articles were identified as being related to the topic of intergenerational program. These articles were cross analyzed by published years. Furthermore, 30 latest articles were chosen and categorized as 'research based articles' and "non-research based articles". Content analysis was implemented for further analysis based on their research topics, issues, research settings and samplings, research designs, research methods, instrument used and data analysis. It was found that the latest trend of articles published in intergenerational program of study were focus on the impact of the intergenerational program to the elders and the students. Elders and the students were the most utilized sample group, and the survey was the most popular method used in the research. The results of the analysis also provide insights for educators, policy makers and researchers into research trends and patterns of the intergenerational practice in the Malaysia.

Keyword: Intergenerational program; trend; content analysis

PENGENALAN

Program intergenerasi pada awalnya adalah bertujuan untuk memberi didikan dan tutorial kepada kanak-kanak yang mempunyai masalah pendidikan dan emosi (Larkin & Newman, 1997). Pada tahun 1960-an dan 1970-an, program intergenerasi berperanan untuk menyelesaikan masalah dan isu sosial seperti penyalahgunaan dadah, masalah jenayah dan masalah literasi.

Sejak itu, program intergenerasi telah mula berkembang dengan pesat dan banyak kajian telah dilakukan. Kajian-kajian pada tahun 1980-an hingga 2000-an tertumpu kepada tiga fokus iaitu kesedaran dan kefahaman terhadap warga emas dan keperluan untuk program intergenerasi. Fokus kedua adalah tentang sikap dan persepsi kanak-kanak terhadap warga emas dan akhirnya fokus ketiga tentang pelaksanaan program intergenerasi di pusat komuniti. Kini, program intergenerasi yang dijalankan mempunyai pelbagai bentuk dan dilaksanakan dalam pelbagai tetapan. Antaranya ialah program intergenerasi berasaskan mentor dan tutorial (Chan & Ho, 2006; Shedletsky, 2012), program intergenerasi berasaskan sekolah ("An Intergenerational Learning Program in Singapore," 2012), dan komuniti (Armstrong, 2012), program berasaskan perkhidmatan dan pembelajaran (Hernandez & Gonzalez, 2008) dan program intergenerasi berasaskan perkongsian tapak (Cooper, 2011).

Hasil kajian ramai penyelidik luar negara mendapati program intergenerasi boleh mengatasi masalah interaksi antara warga muda dan warga emas dan memperbaiki pandangan atau sikap warga muda terhadap warga emas

(Stubblefield, 2000; Schwalbach & Kiernan, 2002; (Dorfman et al, 2004; Gilbert & Ricketts, 2008; Hernandez & Gonzalez, 2008; Dunham & Casadonte, 2009; Spudich & Spudich, 2010; Yamashita, Kinney, & Lokon, 2011; Zuccherro, 2011). Seterusnya, kajian luar negara juga mendapati program intergenerasi membawa faedah kepada pelajar dan warga emas (Jarrott & Bruno, 2007; Hernandez & Gonzalez, 2008; George, 2011).

Realitinya, pada masa sekarang program intergenerasi ini telah pun dilaksanakan oleh sebilangan kecil pusat komuniti di Malaysia (Tan, 2002). Di Malaysia, program ini biasanya dijalankan oleh pusat Komuniti dengan sokongan kerajaan, sektor swasta dan badan sukarela. Petaling Jaya Community Centre (PJCC) yang ditubuhkan pada tahun 1996 adalah pusat komuniti yang pertama di Malaysia yang memberikan perkhidmatan kepada warga emas dan muda (Tan & Tey 2005). Kajian yang dibuat di Malaysia mengenai program intergenerasi ini adalah masih terhad dan masih kurang kajian yang menggunakan analisis kandungan.

OBJEKTIF KAJIAN

Kertas ini bertujuan melihat dan mengenal pasti trend kajian program intergenerasi dalam pengkalan data Web of Science. Berdasarkan analisis trend dan frekuensi, pengkaji berharap untuk melihat trend kajian dan penghasilan artikel tentang program intergenerasi secara umumnya. Trend dalam program intergenerasi yang boleh dikenal pasti dalam kajian ini akan membantu para penyelidik untuk mendapat gambaran tentang implimentasi program ini secara global termasuk trend pelaksanaannya dan divesiti atau perkembangan kajian program ini dalam tempoh sedekad terkini serta minat para penyelidik terhadap subjek penyelidikan program intergenerasi. Justeru itu, diharapkan kajian ini akan menjadi titik tolak kepada kosa ilmu asas kepada jangkaan program intergenerasi dalam konteks di Malaysia pada masa akan datang.

Kajian ini turut memberi tumpuan kepada 30 artikel daripada Jurnal Educational Gerontology dari tahun 2000 hingga Jun 2013. Artikel-artikel ini dianalisis kandungannya berdasarkan skop kajian dan kategori topik yang diutarakan. Impak kajian-kajian intergenerational program juga dapat dilihat melalui trend isu yang dikemukakan. Dalam konteks ini, fokus utama adalah untuk membuat analisis kandungan berdasarkan beberapa aspek penting iaitu persampelan dan lokasi kajian, instrumentasi, reka bentuk kajian, kaedah kajian dan analisis data.

Antara lain, objektif kajian yang ingin dicapai melalui kajian ini adalah seperti berikut

1. Apakah topik kajian yang berkaitan dengan program intergenerasi yang diterbitkan dalam Jurnal Educational Gerontology dalam tempoh 12 tahun ini?.
2. Apakah trend penerbitan artikel tentang program intergenerasi dalam pengkalan data Web Of Science sepanjang 2000 hingga Jun 2013?
3. Apakah kategori topik utama berkaitan dengan program intergenerasi yang diterbitkan dalam Jurnal Educational Gerontology untuk tahun 2000-2013?

KAEDAH

Sebagai kajian penyediaan kosa ilmu asas kepada bidang program intergenerasi yang masih baru dalam konteks di Malaysia, maka kajian ini dilaksanakan dalam ruang lingkup yang agak terhad dan kecil. Dua kaedah analisis diimplementasi dalam kajian ini iaitu analisis trend dan analisis kandungan.

Analisis Trend

Dalam mengkaji trend tentang program intergenerasi ini, penyelidik hanya memilih artikel yang terdapat dalam pengkalan data Web Of Science sahaja, yang diterbitkan dari tahun 2000 hingga Jun 2013. Statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis artikel-artikel yang berkaitan dengan intergenerational program yang diterbitkan dalam pengkalan data Web of Science sepanjang tempoh tahun 2000 hingga Jun 2013. Analisis ini akan melibatkan 515 artikel dan dibahagikan kepada 5 fasa terbitan mengikut tahun iaitu 2000-2002, 2003-2005, 2006-2008, 2009-2011 dan 2012 hingga Jun 2013.

Analisis Kandungan

Analisis Kandungan merupakan satu kaedah yang sesuai dalam penyelidikan pendidikan (Fraenkel, 2012). Dalam mengkaji tentang program intergenerasi ini, penyelidik hanya memilih artikel yang terdapat dalam Jurnal Educational Gerontology yang diterbitkan dari tahun 2000 hingga Jun 2013. 32 artikel ini diperolehi setelah hasil carian dihalusi dengan hanya melibatkan “educational research” dan “geriatrics Gerontology” untuk tempoh tahun tersebut. Dua artikel ditolak kerana tidak berkaitan dengan pendidikan. Manakala artikel dilimitasikan kepada bahan pula adalah berdasarkan dua jenis iaitu artikel berasaskan kajian (*research based articles*) dan artikel bukan berasaskan kajian (*Non-research based article*). Topik kajian daripada artikel-artikel terpilih dianalisis dan

dikategorikan mengikut persamaan kata kunci dalam abstrak yang dikemukakan. Sepanjang analisis data dijalankan, setiap kategori yang telah dikenalpasti turut dimurnikan lagi secara berterusan menggunakan kaedah analisis secara tematik. Pada akhir analisis, kategori dan sub-kategori artikel-artikel kajian dapat dipolakan seperti berikut

1. Kajian tentang Impak pelaksanaan program
2. Kajian tentang Faedah dan strategi program
3. Kajian tentang faktor yang mempengaruhi sikap kanak-kanak atau pelajar tentang program
4. Kajian tentang konsep dan persepsi warga emas terhadap program ini.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN


Analisis frekuensi dan trend

Berdasarkan analisis frekuensi, terdapat 515 artikel yang disenarai pendek berkaitan topik intergenerational program dalam pengkalan data Web Of Science dari tahun 2000 hingga Jun 2013. Analisis bilangan artikel berasaskan fasa sela 3 tahun ditunjukkan dalam jadual 1

Jadual 1: Bilangan artikel berkaitan dengan Program Intergenerasi Mengikut Fasa Sela 3 Tahun

Tahun	Bilangan	Peratusan(%)
2000-2002	60	11.7
2003-2005	85	16.5
2006-2008	104	20.2
2009-2011	173	34.5
2012 hingga Jun 2013	93	18.1
Jumlah	515	100

Daripada analisis di atas, didapati frekuensi artikel berkaitan dengan program intergenerasi pada fasa 200-2002 adalah sebanyak 11.7%. Manakala bagi fasa 2003-2005 pula adalah sebanyak 16.5%. Bagi fasa 2006-2008, jumlahnya meningkat kepada 20.2% , dan meningkat kepada 34.5% pada fasa 2009-2011. Bagi Fasa 2012 sehingga bulan Jun 2013, telah ada sebanyak 93 artikel (18.1%) diterbitkan. Rajah 1 mempersembahkan trend penghasilan artikel tentang program intergenerasi dalam tempoh lebih sedekad.



Rajah 1. Bilangan artikel berkaitan program intergenerasi yang diterbitkan dalam empat fasa mengikut tahun.

Analisis Kandungan artikel terkini kajian Program Intergenerasi

Bagi trend kajian terkini berkaitan dengan program intergenerasi, kertas ini turut melihat isu dalam artikel-artikl yang diterbitkan di dalam Jurnal Educational Gerontology. Hasil cari dilimitasi kepada kajian tentang "educational research" dan "geriatrics gerontology" dalam pengkalan data Web of Science, terdapat 30 artikel berkaitan dengan program Intergenerasi. Perlu diingat bahawa, artikel-artikel yang terpilih adalah daripada dua jenis artikel iaitu

- i. Artikel berasaskan kajian(research based article)
- ii. Artikel bukan berasaskan kajian(non-research based article)

Antara justifikasi pemilihan jenis artikel ini adalah untuk variasi kosa ilmu yang ingin dikupas melalui kajian ini. 'Artikel berasaskan kajian' dianalisis kandungannya berdasarkan beberapa konstruk iaitu tajuk, kategori topik, sampel dan lokasi, reka bentuk kajian, instrumentasi dan jenis analisis data yang digunakan. Manakala 'Artikel bukan kajian' dianalisis berasaskan kategori kajian. Jadual 2 dan 3 menunjukkan analisis kandungan 30 artikel intergenerational program terpilih yang diasingkan mengikut dua kategori iaitu 'artikel berasaskan kajian' dan 'artikel bukan berasaskan kajian'.

Jadual 2: Analisis Kandungan dan Fokus Isu Terkini 'Artikel Berasaskan Kajian' Program Intergenerasi

Tajuk Kajian	Kategori/ Topic	Sampel dan Lokasi Kajian	Reka Bentuk Kajian	Instrumentasi	Analisis Data
1.Senior To Senior:Living Lesson	Program Impak	16 warga emas, 3 pelajar saujana muda ,Oklahoma,US.	1.Kajian Kes	1.Catatan Jurnal 2.Soal - selidik	1.Analisis secara tematik
2.Service-learning At The Edge Of Chaos	Program Impak	123 orang(kumpulan pelajar ijazah sarjana muda,saujana dan orang tua),Michigan,US.	1.Kajian Tinjauan	1.Soal-selidik	1.Statistik Deskriptif
3.Direct Observations of children at risk for academe failure:Benefits of an intergenerational visiting program	Kebaikan	10 kanak-kanak berumur antara 8-11 yang bermasalah dan 4-6 warga tua, US	Kajian Tinjauan	Soal-selidik	Statistik Deskriptif dan statistik inferensi
4.Intergenerational service-learning in Five cohorts of students:Is attitude change robust	Sikap pelajar	59 pelajar university daftar dalam 5 kohort, 9 warga tua ,US	Kajian kualitatif dan Kuantitatif	1.Soal-selidik dan temubual(s oalan terbuka)	Statistik inferensi dan analisis secara tematik
5.Comunity-Service activities n versus Traditional Activities in an intergenerational visiting program	Program Impak	119 orang tua dan 21 kanak-kanak,US	Kualitatif dan kuantitatif	2 soal selidik(Min i Mental State Examination dan Geriatric Depression Scale) TemuBual (Open-ended)	1.Statistik Deskriptif dan statistic Inferensi
6.Changing students' Perceptions of Aging:The Impact of an intergenerational	Persepsi pelajar terhadap "aging"	44 pelajar saujana muda(kumpulan experiment dan kumpulan	Kuantitatif	Soal-selidik	Statistik inferensi

Service Learning Course		treatment),US			
7.Intergenerational Contact,Attitudes, and Stereotypes of Adolescents and older people	Sikap Pelajar	63 pelajar(34 P,29L) umur antara 11-13 17 warga tua,US	Kajian tinjauan	Soal-selidik	Statistik inferensi
8.An Intergenerational Summer program involving persons with dementia and preschool children	Program impak	4 pentadbir 4 Pekerja 10 ibu bapa,US	Kajian Kes	Interview Parent Survey Borang penilaian	Analisis secara tematik
9.Designning intergenerational service learning courses based on student characteristics	Kebaikan program	230 pelajar umur antara 23-60),US	Kajian Survey(Tinjauan)	Soal-selidik	Statistik inferensi
10.Preparing For An Age-diverse workforce:Intergenerational Service learning in Sosial Gerontology and Business Curricula	Sikap pelajar	37 warga tua, 40 pelajar Universiti,US	Kajian Survey(Tinjauan)	Soal-selidik	Statistik Descriptik dan Inferensi
11.Measuring the benefits of mentoring for Foster Grandparents:A Research Note	Program impak	25 pelajar 25 warga emas,US	Tinjauan	Soal selidik	Statistik Deskriptif
12.Children's attitudes and classroom interaction in an intergenerational education program	Program impak terhadap sikap pelajar terhadap aging	12 warga tua 211 kanak dalam kelas experiment 169 kanak dalam kelas kawalan,US	Kajian Tinjauan	Soal-selidik	Statistik inferensi
13.Effects of Intergenerational interaction on Aging	Program impact on aging	179 pelajar universiti 101 warga tua Spain	experiment	Soal-selidik	Statistic Inferensi
14.Benefis and risks of intergenerational program participation by seniors citizens	Kebaikan dan risiko Program	32 jurulatih kanan 30 warga pesara,US	Quasi-experiment	Soal-selidik	Statistik Descriptik dan Inferensi
15.Using intergenerational oral history service-learning projects to teach human behavior concepts:A qualitative analysis	Kebaikan Program	63 pelajar universiti,US	qualitative	Temubual(Open ended questions)	Analisis secara tematik

16.A co-mentoring project:an intergenerational service-learning experience	Program impak	67 pelajar universiti,US	Kualitatif dan kuantitatif	Soal-selidik Temubual	Statistik inferensi Analisis secara tematik
17.A drama project about older people's intimacy and sexuality	Program impak	3 pasukan(Pengarah filem, 2 pelakon tua, 3 pelajar),UK	Qualitative	Temubual	Analisis secara tematik
18.Children's perceptions of elders before and after a school based intergenerational program	Kebaikan program	22 pelajar gred 2 20 pelajar gred 4 21 pelajar gred 5 23 warga tua,US	Kualitatif dan kuantitatif	Soal-selidik Students journal	Statistik inferensi Analisis secara tematik
19.Effects of an Intergenerational friendly visit program on the attitudes of fourth grades towards elders	Program Impak	22 pelajar gred 4 12 warga tua,US	Kualitatif	Students journal	Analisis secara tematik
20.Intergenerational Daycare and preschoolers attitudes about aging	Program impak	33 pelajar(33-60 bulan),US	Tinjauan	Soal-selidik	Statistik Deskriptik dan Inferensi
21.Improving The Attitudes of the 4 TH Grades Towards Older People through a Multidimensional Intergenerational Program	Program impak	92 pelajar gred 4 68 warga tua,US	Tinjauan	Soal-selidik,UK	Statistik inferensi

Jadual 3: Analisis Kandungan dan Fokus Isu terkini 'Artikel Bukan Berasaskan Kajian'

Tajuk Kajian	Kategori Topik	Sumber Lolasi
1.Strategies to Expand a Penpal Program from simple letter into full Intergenerational Experience	Strategi	US
2.Higher Education and Foster Grandparent Program:exploring mutual Benefits	Konsep dan kebaikan Program	US
3.Findings Community:Developing and Maintaining Effective Intergenerational Service-	Strategi untuk membangunkan dan mengekalkan secara berkesan dalam perkongsian program intergenerasi	US

learning Partnerships		
4. Generativity In Order Age: A Challenge for Universities of the third Age	Konsep Generativity dalam usia Tua	Spain
5. Intergenerational Programming In Action: Befrienders	Pembangunan, pelaksanaan dan penilaian Befriender program	US
6. Can the wisdom of aging be activated and make a difference societally	Konsep "Wisdom" dan perkembangan 'wisdom' dalam program intergenerasi	US
7. Interdisciplinary Teams, Mentorship and Intergenerationally service-learning	Konsep dan prinsip of :good team management"	US
8. Children's Attitudes Towards Older Adults and Aging: A Synthesis Of Research	Factors-factors yang mempengaruhi sikap kanak-kanak terhadap orang tua dan penuaan	US
9. Intergenerational Learning and Family Harmony	Strategi untuk mencapai family Harmony	US

Daripada 30 artikel yang dikaji dan dikenal pasti, Jadual 4 menunjukkan bilangan 'artikel berasaskan kajian' adalah lebih banyak berbanding dengan 'artikel bukan berasaskan kajian' iaitu terdapat 21 artikel (70%) yang diterbitkan merupakan merupakan hasil kajian yang dijalankan. Manakala sembilan lagi artikel (30%) yang diterbitkan adalah penulisan ilmiah yang berkaitan dengan bidang program intergenerasi ini.

Jadual 4: Bilangan Artikel Berasaskan Kajian dan Artikel Bukan Berasaskan Kajian

Kategori	Bilangan Artikle	Peratus(%)
Jenis Artikle		
Artikel Kajian	21	70
Artikel Bukan Kajian	9	30
	30	100

Menjawab soalan kajian ketiga, kategori topik kajian utama dalam artikel yang diterbitkan, dapat dirumuskan melalui jadual 5 bahawa: 11 artikel (52.4%) yang diterbitkan melihat kepada 'Impak' program dalam penulisan mereka. Lima artikel (23.8%) membuat kajian tentang kebaikan program. Empat artikel (19.0%) tentang sikap pelajar terhadap orang tua dan penuaan dan satu artikel (4.8%) tentang persepsi pelajar terhadap penuaan.

Jadual 5: Topik Kajian Dalam Artikel Berasaskan Kajian

Topik kajian (Artikel Kajian sahaja, N=21)	Bilangan Artikel	Peratus(%)
Program Impak	11	52.4
Program Benefit	5	23.8
Sikap Pelajar Terhadap Orang Tua dan penuaan	4	19.0
Persepsi Pelajar terhadap Penuaan	1	4.8
Jumlah	21	100

Daripada analisis sampel, Jadual 6 menunjukkan 11 artikel (52.4%) menggunakan kanak-kanak dan pelajar sekolah menengah. Tujuh artikel (33.3%) menggunakan pelajar universiti dan 3 artikel (14.3%) menggunakan pentadbir dan ibu bapa). Daripada segi lokasi kajian, dapatan kajian menunjukkan penghasilan 'artikel berasaskan kajian' didominasi oleh kajian-kajian daripada Amerika Syarikat. 19 artikel (90.1%) yang diterbitkan merupakan hasil kajian yang dibuat terhadap sampel di sekitar Amerika Syarikat, manakala dua artikel dijalankan di England dan Sepanyol.

Jadual 6: Sampel dan Lokasi Kajian Dalam Artikel Berasaskan Kajian

Sampel	Bilangan Artikel	(%)
Kanak-kanak dan Pelajar Sekolah dengan warga tua	11	52.4
Pelajar University dengan warga Tua	7	33.3
Pentadbir/staff dan ibu Bapa	3	14.3
Jumlah	21	100
Lokasi Kajian		
US	19	90.1
UK	1	4.8
Sepanyol(spain)	1	4.8
Jumlah	21	100

Seterusnya bagi analisis berasaskan rekabentuk kajian, Jadual 7 menunjukkan kajian tinjauan masih lagi mendominasi aplikasi reka bentuk kajian yang digunakan iaitu dengan 10 artikel (47.7%). Lima artikel (23.8%) menggunakan kajian kualitatif dan bakinya enam artikel(28.5%) menggunakan kombinasi kajian kuantitatif dan kualitatif.

Jadual 7:Instrumentasi Dalam Artikel Berasaskan Kajian

Reka Bentuk Kajian	Bilangan Artikel	Peratus(%)
Kuantitatif	10	47.7
Kualitatif	5	23.8
Kuantitative dan Kualitatif	6	28.5
Jumlah	21	100

Dari aspek penggunaan instrumentasi, Jadual 8 menunjukkan penggunaan soal selidik masih lagi menjadi alat instrument yang popular bagi kajian-kajian yang dijalankan. 15 artikel(71.4%) yang diterbitkan menggunakan soal selidik. Lima artikel (23.8%) menggunakan kombinasi temubual, pemerhatian dan analisis dokumen dan satu artikel (4.8%) menggunakan catatan jurnal bagi mengumpul data untuk kajian kualitatif.

Jadual 8: Instrumentasi Dalam Artikel Berasaskan Kajian

Instrumentasi	Bilangan Artikel	Peratus(%)
Soal-selidik	15	71.4
Temubual,pemerhatian,dokumen	5	23.8
Catatan Jurnal	1	4.8
Jumlah	21	100

Dari segi analisis data yang dijalankan, Jadual 9 menunjukkan enam artikel (28.5%) menggunakan statistik inferensi. Lima artikel(23.8%) dianalisis secara tematik dan lima artikel lagi(23.8%) menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi. Hanya dua artikel(9.5%) menggunakan analisis statistick deskriptif.

Jadual 9: Analisis Data Dalam Artikel berasaskan kajian

Analisis Data	Bilangan Artikel	Peratus(%)
Statistik Inferensi	6	28.5
Statistik Deskriptif	2	9.5
Analisis secara tematik	5	23.8
Statistik Deskriptif dan statistic Inferensi	5	23.8
Tematik dan statistic Inferensi	3	14.3
Jumlah	21	100

Bagi 'artikel bukan berasaskan kajian' pula, Jadual 10 menunjukkan empat artikel (44.4%) yang dihasilkan adalah tentang konsep program intergenerasi, tiga artikel (33.3%) tentang strategi yang digunakan dalam program intergenerasi, satu artikel (11.1 %) tentang faktor-faktor yang mempengaruhi sikap pelajar terhadap warga tua dan satu artikel(11.1%) tentang pembangunan,pelaksanaan dan penilaian terhadap program intergenerasi. Dari segi sumber , majoriti penulisan yang dihasilkan adalah daripada sarjana-sarjana di Amerika syarikat dengan lapan daripada sembilan artikel bukan berasaskan kajian dihasilkan di sekitar Amerika Syarikat. Hanya satu artikel dihasilkan oleh sarjana Sepanyol.

Jadual 10: Topik Dalam artikel bukan berasaskan Kajian

Artikle Bukan Kajian(9 artikle) Topik	Bilangan artikel	Peratus(%)
Strategi	3	33.3
Konsep Yang berkaitan dengan Intergenerational Program	4	44.4
Faktor yang mempengaruhi sikap pelajar terhadap Warga tua	1	11.1
Pembangunan, pelaksanaan dan penilaian Intergenerational program	1	11.1
Jumlah	9	100

RUMUSAN DAN IMPLIKASI

Secara umumnya, hasil analisis yang dibuat terhadap artikel-artikel yang diterbitkan dalam Jurnal Educational Gerontology menunjukkan trend kajian tentang intergenerational program yang semakin berkembang merentas tahun. Walau bagaimanapun, majoriti artikel yang dihasilkan masih lagi berasaskan jenis program intergenerasi dan impaknya sama ada kepada warga tua, kanak-kanak dan pelajar. Kajian masih lagi berfokus kepada satu kumpulan sahaja (Newman, Morris, & Streetman, 1999; Jarrott, 2011). Dari segi rekabentuk kajian, kebanyakan kajian masih menggunakan kaedah tinjauan dan menggunakan soal-selidik sebagai alat untuk mengumpul data. Penggunaan kaedah kualitatif dan kuantitatif dengan pelbagai instrumentasi wajar digunakan agar membolehkan penyelidik membuat triangulasi data untuk memtafsir dapatan kajian (Jarrot, 2011). Dari segi topik kajian, kebanyakan kajian masih menyentuh kepada kesan dan impak program dan kurang kajian tentang cabaran, penilaian dan kemampan program.

Dari sudut lokasi kajian, kajian analisis trend ini juga menunjukkan bahawa majoriti data kajian yang dilakukan berpusat di Amerika Syarikat, manakala data kajian daripada rantau lain amatlah terhad. Malahan, negara-negara di rantau Asia Tenggara seperti Malaysia masih kurang kajian dilakukan melibatkan program intergenerasi. Justeru, dapatan kajian ini diharap akan dapat membantu penyelidik tempatan untuk menjalankan kajian yang lebih mendalam terhadap keperluan mengadakan program intergenerasi mengikut budaya Malaysia sendiri. Selain itu, pengalaman negara lain akan menjadi garis panduan kepada kita dalam usaha merangka program intergenerasi di Malaysia.

RUJUKAN

- Angelis, J. (1992). The genesis of an intergenerational program. *Educational Gerontology*, 18, 317-327.
- Bauman, S., Siegel, J. T., Falco, L. D., Szymanski, G., Davis, A., & Seabolt, K. (2003). Trends in school counseling journals: The first fifty years. *Professional School Caunseling*, 5, 79-90.
- Buboltz, W. C., Miller, M., & Williams, D. J. (1999). Content analysis of research in the Journal of Counseling Psychology (1973-1988). *Journal of Counseling Psychology*, 46, 496-503.
- An Intergenerational Learning Program in Singapore. (2012). *Journal of Intergenerational Relationships*, 10(1), 86-92. doi:10.1080/15350770.2012.646566.
- Armstrong, N. (2012). Historypin: Bringing Generations Together Around a Communal History of Time and Place. *Journal of Intergenerational Relationships*, 10(3), 294-298. doi:10.1080/15350770.2012.697412.
- Chan, C. C., & Ho, W. (2006). Intensive Community Mentoring Scheme in Hong Kong. *Journal of Intergenerational Relationships*, 4(2), 101-106.
- Chorn Dunham, C., & Casadonte, D. (2009). Children's Attitudes and Classroom Interaction in an Intergenerational Education Program. *Educational Gerontology*, 35(5), 453-464. doi:10.1080/03601270802605473.
- Cooper, C. (2011). Jefferson Area Board for Aging Intergenerational Programs in Development. *Journal of Intergenerational Relationships*, 9(4), 481-484. doi:10.1080/15350770.2011.619914.

- Dorfman, L. T., Murty, S. A., Ingram, J. G., Evans, R. J., & Power, J. R. (2004). Intergenerational Service-Learning in Five Cohorts of Students: Is Attitude Change Robust? *Educational Gerontology*, 30(1), 39–55. doi:10.1080/03601270490248446.
- Fraenkel, W. & Hyun. (2012). *How to design and evaluate research in education* (Eighth Edi.). McGraw-Hill Companies:New York.
- George, D. R. (2011). Intergenerational volunteering and quality of life: mixed methods evaluation of a randomized control trial involving persons with mild to moderate dementia. *Quality of Life Research : An International Journal of Quality of Life Aspects of Treatment, Care and Rehabilitation*, 20(7), 987–95. doi:10.1007/s11136-010-9837-8.
- Gilbert, C. N., & Ricketts, K. G. (2008). Children's Attitudes Toward Older Adults and Aging: A Synthesis of Research. *Educational Gerontology*, 34(7), 570–586. doi:10.1080/03601270801900420.
- Hernandez, C. R., & Gonzalez, M. Z. (2008). Effects of Intergenerational Interaction on Aging. *Educational Gerontology*, 34(4), 292–305. doi:10.1080/03601270701883908.
- Jarrott, S. (2011). Where Have We Been and Where are We Going? Content Analysis of Evaluation Research of Intergenerational Programs. *Journal of Intergenerational Relationships*, 9(1), 37–52. doi:10.1080/15350770.2011.544594.
- Jarrott, S. E., & Bruno, K. (2007). Shared Site Intergenerational Programs: A Case Study. *Journal of Applied Gerontology*, 26(3), 239–257. doi:10.1177/0733464807300225.
- Newman, S., Morris, G. A., & Streetman, H. (1999). Elder-child interaction analysis: An observation instrument for classrooms involving older adults as mentors, tutors, or resource persons. *Child & Youth Services*, 20(1/2), 129–145.
- Schwalbach, E., & Kiernan, S. (2002). Effects of an Intergenerational Friendly Visit Program on the Attitudes of Fourth Graders Toward Elders. *Educational Gerontology*, 28(3), 175–187. doi:10.1080/036012702753542490.
- Shedletsky, L. (2012). Undergraduates Mentoring Older Adults: Breaking Stereotypes. *Journal of Intergenerational Relationships*, 10(4), 400–414. doi:10.1080/15350770.2012.726599.
- Spudich, D., & Spudich, C. (2010). Welcoming intergenerational communication and senior citizen volunteers in schools. *Improving Schools*, 13(2), 133–142. doi:10.1177/1365480210375350.
- Stubblefield, J. L. K. P. (2000). Changing Students' Perceptions of Aging: the Impact of an Intergenerational Service Learning Course. *Educational Gerontology*, 26(7), 611–621. doi:10.1080/03601270050200617.
- Tan Poo Chang. (2002). Engaging the Generations in National Development. In *Paper presented at the "Re-engaging the Generations: Intergenerational Programming in Social Services" international conference*. Singapore, March 4-6.
- Tan Poo Chang & Tey Nai Ping. (2005). PJCC – A Model for Community Participation and Active Ageing in Malaysia. *Journal of Intergenerational Relationships*, 3(2), 125–131. doi:10.1300/J194v03n02.
- Yamashita, T., Kinney, J. M., & Lokon, E. J. (2011). The Impact of a Gerontology Course and a Service-Learning Program on College Students' Attitudes Toward People With Dementia. *Journal of Applied Gerontology*, 32(2), 139–163. doi:10.1177/0733464811405198.
- Zuccherro, R. A. (2011). A Co-mentoring Project: An Intergenerational Service-Learning Experience. *Educational Gerontology*, 37(8), 687–702. doi:10.1080/03601271003723487.